

Perjuangan UMNO Pertahan Kemerdekaan, Kedaulatan Negara - Muhyiddin Bernama
Aug 30, 2014

BEAUFORT, 30 Ogos (Bernama) -- Perjuangan UMNO lebih terarah kepada mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Sabtu.

Beliau yang juga Timbalan Presiden UMNO berkata kemerdekaan yang dikecapi negara sejak 57 tahun lepas merupakan maruah rakyat Malaysia dalam mentadbir dan membangun negara tanpa campur tangan luar.

Dengan kemerdekaan, katanya negara mempunyai Perlembagaannya sendiri yang menentukan semua hak rakyat.

"Pentingnya UMNO sebagai sebahagian daripada Barisan Nasional (BN) kerana masing-masing (parti komponen BN) mahu melihat Malaysia lebih maju.

"Bukan mudah untuk mengurus negara kerana terdapat pelbagai kumpulan masyarakat yang mempunyai kaum, budaya, agama dan cara hidup yang berbeza," kata Muhyiddin ketika merasmikan persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Beaufort.

Hadir sama pada persidangan itu, yang dihadiri kira-kira 650 perwakilan UMNO Beaufort, ialah Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman.

Muhyiddin berkata kerajaan BN pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sentiasa memikirkan bagaimana membangunkan negara tanpa membiarkan mana-mana kaum terasa ketinggalan.

Dalam pada itu, beliau meminta anggota UMNO supaya terus bekerja untuk rakyat dan tidak tunggu sehingga pilihan raya umum untuk menunjukkan keprihatinan.

Perjuangan berterusan dalam membantu rakyat akan memperlihatkan komitmen UMNO dan BN terhadap rakyat sekali gus meraih sokongan rakyat pada pilihan raya umum akan datang, katanya.

Muhyiddin kagum dengan pembangunan di Sabah hasil kepimpinan Musa.

Timbalan Perdana Menteri berkata hubungan baik kerajaan negeri dengan kerajaan pusat menyumbang ke arah kemajuan pesat yang dialami di Sabah.

"Selagi ada kerajaan BN, kita akan sentiasa komited ke arah keamanan dan kemajuan Sabah," katanya.

Muhyiddin berkata usaha pihak yang tidak bertanggungjawab membawa Sabah keluar daripada Malaysia tidak mengikut Perlembagaan dan merupakan tindakan yang derhaka dan harus diambil tindakan.

"Sejarah Sabah dengan Malaysia bermula sejak 1963. Sabah adalah Malaysia dan bukan sekadar sebahagian daripada Malaysia, katanya.

--BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1064791>